



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Siapa pemimpin?

Muhammadī 'Abdul Hādī, Tanjung Tokong, Penang bertanya:

kita sekarang sedang menghadapi pilihan umum di serata Tanah Melayu. Di dalam suasana ini maka telah timbul pimpinan-pimpinan yang minta dipilih untuk mewakili rakyat itu. kerana itu saya ingin hendak tahu pemimpin manakah yang patut ditaati dan bagaimanakah pemimpin yang dianjurkan oleh Islam. Harapnya tuan beri keterangan dengan nas al-Quran dan al-hadis sahaja.

Jawab: Allah telah berpesan (maksudnya): Wahai orang-orang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan orang-orang yang berkuasa dari antara kamu (Q. al-Nisā' ayat 59)

Di dalam ayat ini telah terang memerintahkan supaya kita taat kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada *Ulī al-Amr* (pemerintah kamu) yang diangkat dan dipilih oleh kaum muslimin yang menjadi kepercayaan kaum muslimin iaitu daripada orang-orang yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan bukan orang-orang yang ingkar dan kufur kepada Allah dan Rasul-Nya. Inilah orang yang wajib ditaati dan yang wajib dipilih oleh kaum muslimin. Mereka hendaklah menentukan yang mana halal dan yang mana haram, yang mana tawhid dan yang mana syirik dan seterusnya kerana yang halal itu tidak boleh dicampurkan dengan yang haram. Tawhid itu tidak boleh dicampurkan dengan syirik dan seumpamanya.

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Firman Allah (maksudnya): "Tidak ada (yang patut Jadi) ketua kamu (pemimpin kamu) melainkan Allah dan Rasul-Nya, dan (pemimpin-pemimpin) yang beriman yang mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat, sedang mereka menundukkan diri (kepada perintah-perintah Allah)- (Q. al-Mā'idah ayat 55)

Daripada ayat yang tersebut di atas terang bahawa Allah menuntut supaya yang dijadikan pemimpin ialah Allah dan Rasul-Nya dan mereka yang beriman yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan taat kepada perintah Allah- tidak mereka berkulit Islam tetapi melakukan pekerjaan-pekerjaan mungkar, minum arak, berjudi dan penzina- berlaku berpura-pura apabila sampai di masjid melakukan sembahyang tetapi di luar masjid melakukan pekerjaan 'asi.

Allah telah berfirman (maksudnya): hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan (ketua- pemimpin) orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejekan dan permainan, daripada ahli-ahli kitab yang sebelum kamu, dan (janganlah kamu jadikan) orang-orang kafir sebagai ketua, dan takutlah kepada Allah, jika betul kamu orang yang beriman. (Q. al-Mā'idah 57)

Tegahan-tegahan daripada menjadikan pemimpin atas orang-orang yang mempermainkan-mainkan agama itu sudah tepat dan terang dan Allah juga mengingatkan supaya jangan kita membuat sahabat selain daripada golongan kita sendiri kerana yang demikian itu terang bencana dan akibatnya sangta besar- mulut mereka manis tatkala berhujah dan biar sekalipun mulutnya

jahat namun perkara yang terkenal di dalam hati-hati mereka

lebih-lebih lagi seperti yang difirmankan oleh Allah

(maksudnya):

“Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu pandang sahabat karib (*baṭānah*) lain daripada golongan kamu.

Mereka itu tidak berhenti-henti berikhtiar menarik kecelakaan

atas kamu, mereka suka apa yang menyusahkan kamu

sesungguhnya kebencian telah terbit dari mulut-mulut mereka,

tetapi apa yang tersembunyi dalam hati mereka itu ada lebih

besar. Kami telah terangkan tanda-tanda kepada kamu, jika kamu

(mau berfikir)- Q. al-Nisā’; 144.

Firman-Nya lagi (maksudnya): Hai orang-orang yang beriman!

janganlah kamu jadikan orang kafir itu sebagai ketua

(pemimpin) pada hal mereka bukan kaum mukminin. Apakah

kamu mau mengadakan satu alasan yang nyata bagi Allah untuk

(menghukum) kamu? (Q. Āli ‘Imrān 119).

Banyak lagi ayat al-Quran yang mengingatkan kita tentang

menjadikan pemimpin dan siapa kawan atau lawan kita,

semuanya itu datangnya daripada Allah- bukan daripada fikiran

kita dan kerana itu jika seseorang beriman kepada Allah

maka hendaklah ia taat dan percaya kepada pemimpin yang taat kepada

hukum Allah dan Rasul-Nya, yang menjauhi pekerjaan

mungkar dan mengerjakan sembahyang- bukannya orang-orang yang

“āṣī dan penzina. Peminum arak dan penjudi dan

penggalak kepada pekerjaan-pekerjaan maksiat.

Jika hendak lebih jelas dan terang dalam perkara ini

molek saudara mentelaah buku karangan Kiyai Muhammad

Isa Anshari yang bertajuk “ Umat Islam menghadapi

-sambungan pada muka kulit

-sambungan dari muka 26

dan bijaksana telah menyelamatkan aku dari jalan yang sesat.

Pada mulanya aku hanya diminta jangan berdusta. Aku kabulkan

permintaan itu dan kerana aku tiada akan dusta lagi,

tiba-tiba timbul perasaan enggan akan berbuat sesuatu yang

buruk, satu perasaan yang segera mempengaruhi jiwa.

Alḥamdulillāh akhirnya aku tinggalkan segala kebiasaanku yang

buruk. Ini sudah tentu kerana kebijaksanaan dan jasa

Rasululullah (SAW) juga, bukan?”

“Benar” sahut mereka. “Dan kami pun berasa

sangat berbahagia dengan keadaan sekarang ini, kejadian ini

akan kami tulis untuk menjadi cerminan dan

kenang-kenangan.”

Munsaf bin Muhtadi memandang arah ke atas, kedua tangannya

berikat takbir di atas dada.

Sayup-sayup terdengar ucapannya: Ya Allah, Tuhan yang

Maha Pemurah dan Pengasih, hamba sangat bersyukur dan

berterima kasih. Terimalah taubat hamba, yang menjadi

pengikut Muhammad. Sungguh mulia budi pekertinya bijaksana

dalam segala tindakannya. Hamba berasa berhutang budi kepada

Nabi Muhammad (SAW) yang bijak itu. mudah-mudahan subur dan

berbuahlah segala tanaman dan pelajaran Muhammad itu amin!”

Sekalian yang hadir diam terpegun dan hanya bibir

mereka sahaya yang turut bergerak membaca “amin” tetapi

suara Munsaf tiada terdengar lagi. Ia telah pulang

ke rahmatullah dengan tenang. *Innalillahi wa inna ilaihi raji’un.*

-dari “Abadi” Jakarta.

pemilihan umum” yang boleh didapati di kedai Tuan Yahyā

‘Ārif di Kuala Kangsar.

Negeri Mekah

Hāji Aḥmad bin Hāji Salīm, Kampung Behrang Tanjung

Malim bertanya: Negeri Mekah yang suci itu diperintahkan

oleh satu bangsa wahabi- (1) Apa mazhabnya, (2) apa

iktikadnya, (3) apa nama negeri asalnya dan dari mana

timbulnya?.

Jawab: Mazhabnya ahli sunnah yakni mereka berpegang

semata-mata kepada pengajaran al-Quran dan al-Hadis dan

ijmak sahabat. Iktikadnya ialah tidak ada Tuhan

melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah

yang menyampaikan segala seruannya dengan jalan al-Quran dan

al-hadis. Mereka berpegang di dalam perjalanan agama di atas

dua cara iaitu dalam masa mengerjakan ibadah mereka

beramal semata-mata kepada apa yang disuruh untuk membuatnya

dengan berasakan kepada al-Quran, al-hadis dan ijmak

sahabat. Kalau tidak disuruh mereka tidak membuatnya dan

mereka tidak berani menambah atau mengurangi daripada apa

yang telah disuruh lakukan itu. penganggan yang kedua yang mengenai

perkara keduniaan mereka lakukan ialah kepada tegahan.

Mereka akan mengharuskan membuat apa jua yang tidak

ditegah seperti mereka meluluskan makan apa-apa jua yang

tidak diharamkan oleh al-Quran dan al-hadis sekalipun

mereka tidak suka memakannya.

Asal keturunan daripada Najad dan perkataan Wahabi

itu datangnya kepada gelaran orang yang mengajarnya sesudah

keadaan-keadaan khurafat bermaharajalela di negeri arab iaitu

daripada ‘Abdul Rahman bin ‘Abdul Wahāb moyang kepada raja

Hijjaz yang ada sekarang. Timbulnya pada lebih kurang 200 tahun

dahulu dan kerana kesannya berpegang kepada fatwa-fatwa

yang teralasan kepada al-Quran dan al-Hadis maka ia diperangi

tetapi walaupun begitu fahamannya tidak dapat dimansuhkan.

Faham inilah juga digelar kaum muda oleh orang-orang sekarang.

Kaum Muda

Raja Hasanuddin, al-Dīniyah School, Ja’rang Pattani

Siam bertanya: Apakah sebabnya terjadi daripada kaum uda adkaah

Di zaman Rasulullah atau zaman di zaman sahabat: dan adakah

kaum muda itu keluar daripada mazhab yang empat atau tidak?

Jawab: Sebabnya terjadi gelaran kaum muda itu

ialah sesudah masa yang panjang pengajaran-pengajaran Islam diselaputi

oleh berbagai-bagai anasir dan khurafat yang banyak yang

paksakan oleh pemerintah-pemerintah supaya diadakan barang yang tiada

di dalam agama.

Boleh dikatakan bapa kaum muda sesudah kebangkitan sekarang

ialah al-‘Allamah al-Sayyid Jamāluddīn al-Afghānī yang diikuti

pula oleh muridnya al-‘Allamah Muḥammad ‘Abduh. Gelaran ini

tidak ada pada masa Rasulullah (SAW) dan pada zaman

sahabat-sahabat kerana pada masa itu fahaman hanya ada satu sahaja

iaitu kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya Muhammad (SAW).

Peganggan kaum muda yang dimaksud itu adalah berjalan

sebagaiman yang dijalankan pada zaman Rasulullah (SAW) dan

sahabat-sahabatnya kerana mereka hanya berpegang dengan al-Quran,

al-hadis dan ijmak sahabat sahaja dalam perkara-perkara yang

ada nasya di situ.

Dengan sebab peganggan yang demikian itulah yakni mengajak

umat berpegang semata-mata kepada ajaran pada masa Rasulullah

mereka tidak berpegang kepada salah satu mazhab yang empat

yang tersebut kerana mazhab yang empat itu kembang dan ada

ialah pada kurun keenam sesudah masihi.